




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 288 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 48,307 kes. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Papar dan satu (1) kes di daerah Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada semua keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 468 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 44,407 orang. Sejumlah 2,424 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 749 orang di hospital, 1,655 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 20 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 84 orang dan 26 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan pada hari ini.

4 Pada hari ini, terdapat dua (2) kluster baharu dilaporkan:

- i **Kluster Tinanom, Ranau** melibatkan 22 lagi kes positif COVID-19 pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 46 kes. Kes indeks merupakan pelajar yang dikesan positif melalui saringan masuk asrama.
- ii. **Kluster Jalan Sepanggar, Kota Kinabalu** hari ini mencatatkan 10 kes baharu dikesan menjadikan kes kumulatif sebanyak 12 kes. Kes indeks dikesan melalui saringan bergejala pada 26 Januari 2021.

5 Daripada 288 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 208 kes (72.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 30 kes (10.4%), saringan kluster baharu dan sedia ada 26 kes (9.0%), saringan komuniti dua (2) kes (0.7%), saringan PERKESO lapan (8) kes (2.8%) dan 14 kes (4.9%) adalah dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,084 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,332 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula kekal 1,100 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,516 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 37.20%.

B KELONGGARAN TERHADAP KEBENARAN MASUK KE NEGERI SABAH SEMASA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi kelonggaran bagi kemasukan **Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan berserta tanggungan (bukan berasal dari Sabah)** yang bertugas di negeri ini tanpa perlu memohon Kelulusan Khas, tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang berikut:
 - i Memiliki Dokumen Perjalanan Terhad (DPT) atau Pasport Antarabangsa Malaysia (PMA) sebelum memasuki negeri Sabah;
 - ii Menggunakan DPT atau PMA untuk mendapatkan cop Seksyen 66(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 di pintu-pintu masuk negeri Sabah;
 - iii Mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan atau surat penempatan dari jabatan untuk berkhidmat di negeri Sabah;
 - iv Bagi tanggungan, hendaklah menunjukkan bukti perhubungan atau pertalian dengan pegawai sebelum memasuki negeri Sabah dan hendaklah mendapatkan cop Seksyen 66(2) Akta Imigresen 1959/63 atau memohon Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang di pejabat Imigresen Sabah dengan serta-merta setelah masuk ke negeri Sabah.

- 2 Kerajaan juga memberi **pengecualian sekatan kemasukan** kepada:
 - i Diplomat yang layak di bawah Perintah Pengecualian (*Exemption Order*) dan tanggungan. Bagi diplomat atau staf kedutaan yang belum mempunyai pas / kemasukan kali pertama, mereka perlu mendapat kelulusan masuk daripada Ketua Pengarah Imigresen terlebih dahulu; dan
 - ii Anak kapal (tidak melibatkan sektor minyak dan gas) bagi warganegara dan bukan warganegara yang masuk bagi menjalankan aktiviti *sign-on* atau *joint ship*. Mereka dikehendaki untuk menyertakan dokumen-dokumen seperti MyKad / Pasport; *Seaman Book*; *Letter of Guarantee* daripada Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah (Bahagian Pelabuhan).
- 3 Untuk keterangan lanjut, sila rujuk **Panduan Kebenaran Masuk Ke Sabah Dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan** seperti di **LAMPIRAN A**.

C PELANJUTAN MASA OPERASI KEDAI RUNCIT, KEDAI SERBANEKA, KEDAI KEPERLUAN HARIAN, FARMASI, KEDAI DOBI SERTA KEDAI CERMIN MATA

- 1 Selaras dengan keputusan yang dibuat di peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melanjutkan waktu operasi bagi kedai runcit, kedai serbaneka, pasar raya mini (mini market), pasar raya (hypermarket), farmasi, kedai menjual ubat-ubatan, kedai dobi serta kedai cermin mata di antara jam 6.00 pagi hingga jam 10.00 malam.
- 2 Kesemua aktiviti perniagaan ini tertakluk kepada pematuhan SOP sedia ada termasuk kedai dobi layan diri yang perlu menyediakan seorang pekerja berada di premis bagi mengawal bilangan keluar masuk pelanggan dan memastikan SOP dipatuhi.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Dibawah bantuan prihatin COVID-19 1.0 sebanyak 322,749 bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.
- 2 Bagi bantuan Prihatin COVID-19 2.0 yang bermula 26 Januari 2021, sebanyak **1,583** bakul makanan telah diagihkan kepada yang terkesan.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 48,473 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 198 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 30 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 62 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 27 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 10 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan lapan (16) premis, di enam (6) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Keningau, Beaufort , Sandakan, Semporna dan Tawau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 80 lokasi di 11 daerah dengan hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.85%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	95%
2	Tenom	95%
3	Kota Belud	94%
4	Ranau	94%
5	Kunak	94%
6	Beluran	94%
7	Kinabatangan	93%
8	Beaufort	93%
9	Tuaran	93%
10	Keningau	93%
11	Kota Marudu	93%
12	Kudat	93%
13	Papar	92%
14	Sandakan	92%
15	Semporna	92%
16	Kota Kinabalu	91.5%
17	Penampang	91.5%
18	Lahad Datu	91%
19	Tawau	91%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi membendung penularan pandemik COVID- 19.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
29 Januari 2021**